

Masih tunggu keputusan mesyuarat pegawai, jurulatih

Snowdan harap pengumuman sasaran pingat kontinjen Sarawak pada SUKMA 2020 dapat ditentukan masa terdekat

Oleh Henrietta Liza
NB 24 9 2019 19
KUCHING: Sarawak masih menunggu keputusan sasaran pingat diraih kontinjen negeri selepas pertemuan mesyuarat bersama pegawai, jurulatih dan persatuan sukan terlibat bagi Sukan Malaysia (SUKMA 2020) di Johor tahun depan.

Menteri Muda Belia dan Sukan, Datuk Snowdan Lawan berkata pihaknya hanya dapat mengumumkan keputusan sasaran pingat itu dalam masa terdekat ini.

"Pingat ditawarkan bagi sukan dipertandingkan pada SUKMA Johor pada 11 hingga 19 Julai tahun depan ialah olahraga (45), akuatik renang (48), badminton (tujuh), berbasikal (30), bola sepak (satu), gimnastik (19), hoki (dua), pencak silat (26) dan boling padang (sembilan).

"Sementara memanah (14), menembak (26), pelayaran (14), skuasy (lima), tenpin boling (sembilan), wushu (25), bola jaring (satu), bola keranjang (empat), bola tampar (empat), judo (20), karate (14), kanu (35), petanque (11), ragbi (dua), tinju (sembilan), golf (empat), kriket (satu),



TAHNIAH: Snowdan (tengah belakang) bersama pemenang e-sport di UNIMAS kelmarin.

muaythai (16), sepak takraw (lima), tenis (lima) dan e-sport (lima)," katanya pada sidang media selepas Penutupan Kejohanan E-Sukan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Bagaimanapun, keputusan sasaran pingat angkat berat masih belum diputuskan namun telah diterima untuk dipertandingkan pada SUKMA 2020 nanti. Acara taekwando masih

belum diputuskan untuk dipertandingkan berikutan masalah dalaman yang dialami pihaknya.

Begitupun, Snowdan pasti Sarawak berupaya membawa balik beberapa

pingat emas dalam beberapa acara kegemaran.

Sementara itu, juara individu bagi sukan e-sport digondol oleh Christian Noel Jerry (Avasia), manakala juara PUB-G dime-

“ Pingat ditawarkan bagi sukan dipertandingkan pada SUKMA Johor pada 11 hingga 19 Julai tahun depan ialah olahraga (45), akuatik renang (48), badminton (tujuh), berbasikal (30), bola sepak (satu), gimnastik (19), hoki (dua), pencak silat (26) dan boling padang (sembilan). ”

Datuk Snowdan Lawan
Menteri Muda Belia dan Sukan

nangi pasukan Acach-acach Gengster Squad dari UiTM Kampus Samarahan.

Juara Mobile Legend dimenangi pasukan Godz Genesys dari Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dalam ucapannya, Snowdan percaya e-sport berupaya berkembang selaras dengan Revolusi Industri (IR) 4.0 melanda negeri ini untuk pembangunan inovasi dan kreatif kalangan pemainnya.

Sukan itu kini dipandang serius pembangunannya sama seperti sukan tradisional kerana sudah dimasukkan sebagai salah satu sukan bertaraf antarabangsa seperti Sukan SEA.

Snowdan menggesa persatuan sukan e-sport seluruh negeri bekerjasama dengan SUKSA menganjurkan lebih banyak pertandingan itu dalam usaha mencari pemain-pemain berbakat.

Beliau juga berharap sebuah konvensyen e-sports seperti yang sering diadakan di Singapura akan diadakan di Sarawak tidak lama lagi.

"Lihat Darryl Koh Pei atau juga dikenali 'iceiceice' pemain (Dota 2) dari Singapura merupakan pemain e-sport dan kini mempunyai kekayaan bernilai (SGD) 1.5 bilion selama bermain sukan tersebut," katanya.